



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
METRO BETONG SARAWAK

# PELAN TINDAKAN

## POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK 2021



<https://www.pmb.s.edu.my/v3/>



Politeknik METRO Betong Sarawak

# PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas di atas penerbitan buku Pelan Tindakan bagi tahun 2021 Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Semoga warga PMBS dapat bersama – sama melaksanakan Pelan Strategik yang telah dirancang agar Visi dan Misi PMBS dapat dicapai untuk tahun ini.

Menerusi wujudnya Pelan Tindakan 2021 ini serta komitmen warga PMBS dalam melaksanakan pelan – pelan yang sedia ada, saya percaya bahawa PMBS dapat mencapai sasaran pentunjuk prestasi utama serta beberapa sasaran prestasi yang lain yang telah dirancang dalam Buku Pelan Strategik 2021 – 2025. Dalam masa yang sama, menjadikan PMBS untuk terus bergerak maju, lebih cemerlang dan terbilang dalam memartabatkan institusi Politeknik sebagai institusi awam pilihan pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi mereka di PMBS. Dikala negara kita diancam oleh pandemik Covid19, namun ini tidak mematahkan semangat PMBS untuk menjadikan institusi ini sebagai salah satu hab Pendidikan di Sarawak amnya dan di Malaysia umumnya. Ianya selaras dengan Visi Politeknik Malaysia iaitu “Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul”.

Menerusi khidmat yang cemerlang daripada seluruh warga PMBS, saya percaya pencapaian PMBS bakal menjadi lebih gemilang seiring dengan memartabatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau.

Sekian, Terima Kasih.



Encik Suhaili Bin Aleh  
Pengarah  
Politeknik METrO Betong Sarawak

# ISI KANDUNGAN

Perkara	Mukasurat
Perutusan pengarah	i
Isi Kandungan	ii
Pengenalan Politeknik	1
Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS)	2
Teras Strategik PMBS	3
Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PMBS 2020	4
Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PMBS 2021	5 – 6
Pelan Tindakan PMBS 2021 (Sasaran Petunjuk Prestasi Utama – KPI)	7 – 10
Pelan Tindakan PMBS 2021 (Sasaran Institusi – Dalaman)	11 - 20
Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) PMBS 2018 - 2020	21
Penutup	22
Ahli Jawatankuasa Buku Pelan Tindakan	23

# PENGENALAN POLITEKNIK

Pendidikan di Politeknik mula diperkenal di Malaysia melalui penubuhan politeknik pertamanya, Politeknik Ungku Omar di Ipoh di bawah United Nations Development Plan pada tahun 1969. Pendidikan ini diperkukuhkan dengan perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai pendidikan pada tahun 1979 dan Pelan Induk Perindustrian Kebangsaan pertama (1985-1995). Kesemua perancangan termasuk perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan (1991), telah membolehkan penubuhan lebih banyak politeknik serta penambahan program pengajian bagi memenuhi keperluan pekerja separa professional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan perkhidmatan. Politeknik terbahagi kepada tiga iaitu Politeknik Premier, Politeknik Konvensional dan Politeknik METrO. Sehingga tahun 2020, terdapat 31 buah Politeknik yang terdiri daripada Politeknik Premier dan Politeknik Konvensional serta 5 buah lagi Politeknik METrO. Senarai Politeknik di Malaysia adalah seperti berikut:

- Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh, Perak.
- Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kuantan, Pahang.
- Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.
- Politeknik Kota Bharu (PKB), Ketereh, Kelantan.
- Politeknik Kuching Sarawak (PKS), Kuching, Sarawak.
- Politeknik Port Dickson (PPD), Negeri Sembilan.
- Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Kota Kinabalu, Sabah.
- Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor.
- Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Pasir Gudang, Johor.
- Politeknik Seberang Perai (PSP) Permatang Pauh, Pulau Pinang.
- Politeknik Melaka (PMK), Balai Panjang, Melaka.
- Politeknik Kuala Terengganu (PKT), Kuala Terengganu, Terengganu.
- Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu.
- Politeknik Merlimau (PMM), Merlimau, Melaka.
- Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Behrang, Perak.
- Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kulim, Kedah.
- Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sungai Air Tawar, Selangor.
- Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Arau, Perlis.
- Politeknik Muadzam Shah (PMS), Pahang.
- Politeknik Mukah (PMU), Mukah, Sarawak.
- Politeknik Ballik Pulau (PBU), Balik Pulau, Pulau Pinang.
- Politeknik Jeli (PJK), Jeli, Kelantan.
- Politeknik Nilai (PNS), Negeri Sembilan.
- Politeknik Banting (PBS), Banting, Selangor.
- Politeknik Mersing (PMJ), Mersing, Johor.
- Politeknik Hulu Terengganu (PHT), Terengganu.
- Politeknik Sandakan (PSS), Sandakan, Sabah.
- Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), Pagoh, Johor.
- Politeknik Besut (PBT), Besut, Terengganu.
- Politeknik Bagan Datuk (PBD), Hutan Melintang, Perak.
- Politeknik Tawau (PTS), Tawau, Sabah.
- Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL), Kuala Lumpur.
- Politeknik METrO Kuantan (PMKU), Kuantan, Pahang.
- Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB), Johor Bahru, Johor.
- **Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), Betong, Sarawak.**
- Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG), Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

# POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK(PMBS)

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah mula beroperasi pada bulan November 2012 dengan bilangan staf seramai 18 orang. Walaubagaimana pun, operasi sementara berpusat di Kampus Politeknik Kuching, Sarawak, Jalan Matang sehingga 19 Februari 2013 sebelum berpindah ke kampus tetap di Betong dan telah memulakan pengambilan pertama pelajar pada Jun 2013.

Konsep METrO iaitu dikenali sebagai Maximizing Education and Training Opportunities (METrO) merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah (Local and regional socio-economic needs) dalam bidang tertentu terutamanya bagi keperluan sektor perkhidmatan (service industries) yang semakin meningkat, sama ada pada peringkat industri kecil dan sederhana (IKS) mahupun syarikat multi-nasional. Maka, kursus yang wujud di PMBS adalah berkaitan dengan perkhidmatan seperti Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan.

Penubuhan Politeknik METrO Betong Sarawak adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik. Sasaran pelajarinya ialah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan golongan pekerja (working adults) yang memerlukan upskill dan re-skilling.

Pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak akan mengutamakan kaedah Online Virtual and Distance Learning (OVDL) dalam kerangka e-Learning. Kebanyakan tenaga pengajarnya adalah mereka yang mempunyai pengalaman industri.

Terdapat 2 buah Jabatan di PMBS iaitu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dan Jabatan Perdagangan. Sebuah lagi Jabatan sokongan iaitu Jabatan Pengajian Am juga turut ada di PMBS.

# TERAS STRATEGIK PMBS

## MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

TERAS 1

1. Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi (High employability)
2. Menambahbaik ekosistem keusahawanan
3. Membangunkan graduan TVET berciri warga global.

## MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

TERAS 2

1. Memperkasa institusi berpacuan 4IR.
2. Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan.

## MEMPERKAYA BAKAT

TERAS 3

1. Melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif.

## MENERAJUI SISTEM PENDIDIKAN MELALUI TVET 4.0

TERAS 4

1. Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri.
2. Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian.
3. Memperluas akses
4. Mendapatkan pengiktirafan dan/atau akreditasi

## MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI INDUSTRI & KOMUNITI

TERAS 5

1. Memperkukuh jaringan industri – institusi.
2. Memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti.
3. Memperkukuh hubungan dengan alumni.

## MEMBUDAYA PENYELIDIKAN GUNAAN & INOVASI

TERAS 6

1. Melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi.

## PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PMBS 2020

Teras	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Pencapaian	Pegawai yang bertanggungjawab (PIC)
1	Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT) – KPI 3	77%	97%	Pn. Imelda R. Fuchau Unit Peperiksaan
1	Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian – KPI 4	8%	11.83%	Pn. Siti Hajar Bt. Arani / Cik Norazimah Bt. Mejri Unit Keusahawanan
1	Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi dan komuniti – KPI 6	1	2	En. Mohd. Taher Bin Kasa Sukarelawan YES
2	Bilangan program yang dihebahkan melalui media sosial rasmi jabatan/institusi – KPI 9	24	73	Cik Emilyn Anak Nojen Unit Komunikasi Korporat
2	Bilangan aktiviti Lean Management di Jabatan / institusi – KPI 10	2	2	Cik Emiliana binti Berayan Pegawai Lean Management
2	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari – KPI 12	100%	100%	Pn. Jerry Anak Gaong Unit Kewangan
2	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa – KPI 13	99%	97.68%	Pn. Jerry Anak Gaong Unit Kewangan
3	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa – KPI 15	3.5%	5%	Pn. Agnes Anak Buda Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
5	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi dengan institusi – KPI 20	1	1	En. Mohd. Shahrir Bin Ahmad Zaini Unit CISEC
5	Bilangan penyertaan program PSH bagi di jabatan dan institusi pada tahun semasa – KPI 21	250	344	Pn. Agnes Anak Buda Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
5	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni dan persatuan alumni – KPI 22	2	2	Cik Emiliana Binti Berayan Pegawai Alumni
6	Bilangan kertas penyelidikan TVET yang diterbitkan – KPI 24	1	1	En. Rossi Gundie Anak Julius Pegawai UPIK
<b>JUMLAH MARKAH KESELURUHAN</b>			<b>99.89%</b>	

# SENARAI PETUNJUK PRESTASI UTAMA PMBS 2021 - 2025

## POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

Pernyataan KPI	2021	2022	2023	2024	2025
Peratus Kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti pada tahun konvokesyen	/	/	/	/	/
Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan*.	/	/	/	/	/
Bilangan pelajar yang menyertai International Student Exchange Programme (ISEP) pada tahun semasa.					
Peratus Institusi yang mencapai Overall Equipment Efficiency (OEE) berdasarkan skor melebihi 85% pada tahun semasa.					
Purata skor yang dicapai hasil daripada Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) di institusi pada tahun semasa.					
Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.					
Bilangan Centre of Technology (COT) Politeknik diiktiraf mendapat penarafan 2 bintang.					
Bilangan kertas strategik/polisi/amalan terbaik di peringkat Kementerian/Kebangsaan/Antarabangsa pada tahun semasa.					
Bilangan program aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial/jabatan/institusi pada tahun semasa.	/	/	/	/	/
Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukkan Pembangunan (P64) yang dicapai oleh jabatan pada tahun semasa.					
Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa.	/	/	/	/	/
Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.	/	/	/	/	/
Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.	/	/	/	/	/
Peratus kurikulum program pengajian yang dibangunkan/disemak semula berdasarkan perangan tahunan.					
Bilangan siri Webinar TVET berfokuskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) TVET yang dilaksanakan secara dalam talian pada tahun semasa.					
Bilangan program pengajian yang diintegrasikan mengikut model intra-programme, inter-programme atau inter institution.					
Bilangan pensyarah yang dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRIP) mengikut program pengajian pada tahun semasa.					
Peratus bilangan kursus peperiksaan akhir yang digubal secara dalam talian.					
Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.	/	/	/	/	/
Bilangan penyertaan program PSH di institusi pada tahun semasa.	/	/	/	/	/
Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa.	/	/	/	/	/
Bilangan produk inovasi yang diaplikasi (solution provider) pada tahun semasa.					

## PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PMBS 2021

Teras	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Pencapaian	Pegawai yang bertanggungjawab (PIC)
1	Peratus Kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti pada tahun konvokesyen – KPI 1	85%		Pn. Lydia Desmond Bangga Pegawai Pengesanan Graduan
1	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan – KPI 2	6%		Cik Norazimah Bt. Mejri Pegawai Keusahawanan
2	Bilangan program aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial/jabatan/institusi pada tahun semasa – KPI 9	60		Cik Emilyn Anak Nojen Pegawai UKK / PRO
2	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa – KPI 11	99%		Pn. Jerry Anak Gaong Pegawai Kewangan
2	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima – KPI 12	95%		Pn. Jerry Anak Gaong Pegawai Kewangan
3	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri pada tahun semasa – KPI 13	35%		Pn. Agnes Anak Buda Pegawai ULPL
5	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi – KPI 19	3		En. Mohd. Shahrir Bin Ahmad Zaini Pegawai CISEC
5	Bilangan penyertaan program PSH di institusi pada tahun semasa – KPI 20	500		Pn. Agnes Anak Buda Pegawai ULPL
6	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa. (KPI 21)	5		En. Rossi Gundie Anak Julius Pegawai UPIK

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA KPI)

### UNIT CISEC (PIC: PEGAWAI PENGESANAN GRADUAN)

KPI 1	Peratus Kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti pada tahun konvokesyen.
SASARAN	85%
TINDAKAN/ INISIATIF	Menandatangani nota kolaborasi strategik bersama industri terpilih (September 2021).
	Penganjuran Hari Kerjaya untuk pelajar semester akhir.
	Program perkongsian ilmu oleh pemimpin industri melalui jabatan akademik dan unit kaunseling.

### UNIT KEUSAHAWANAN (PIC: PEGAWAI KEUSAHAWANAN)

KPI 2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan.
SASARAN	6%
INISIATIF	Mengadakan <b>Business Account Management Workshop</b> dan program <b>Product Promotion</b>
	Menyertai <b>The 5's International Entrepreneurial Google Marathon Program of UK</b> bersama Unit CISEC-PMBS (2 jam)
	Mengadakan <b>Business Model Canvas (BMC) &amp; Business Pitching</b>
	Lawatan Industri ke kilang usahawan bersama pelajar.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA KPI)

### UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (PIC: PEGAWAI UKK /PRO PMBS)

KPI 9	Bilangan program aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial/jabatan/institusi pada tahun semasa.
SASARAN	60 hebahan
INISIATIF	Menyertai program jelajah pendidikan dan pameran
	Membuat hebahan kejayaan mengenai pencapaian pelajar, alumni dan staff PMBS.

### UNIT KEWANGAN (PIC: PEGAWAI KEWANGAN)

KPI 11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa.
SASARAN	99%
INISIATIF	Memastikan perbelanjaan dibuat mengikut perancangan ABM.
	Memastikan pembayaran dibuat setelah bil diterima.
	Memproses penyata pemungut sebaik sahaja kutipan dibuat dan memasukan kutipan ke bank.
KPI 12	<b>Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.</b>
SASARAN	95%
INISIATIF	Memastikan pembayaran dibuat setelah bil diterima.
	Membuat senarai semak untuk memantau jenis laporan yang perlu dihantar pada setiap hujung bulan.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA KPI)

### UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN (PIC: PEGAWAI ULPL)

KPI 13	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.
SASARAN	35%
INISIATIF	Mewajibkan setiap PPPT di jabatan akademik untuk memuat naik sijil/kelayakan profesional dan sijil industri di <b>e-Store</b> ULPL untuk pengiraan peratus pensyarah teras bidang yang memiliki kemahiran industri.
	Mengadakan beberapa siri latihan dalam secara bersemuka atau atas talian sepertimana yang telah dirancang.

### UNIT CISEC (COLLABORATION INDUSTRIAL SERVICE AND EMPLOYMENT CENTRE) (PIC: PEGAWAI KOLABORASI)

KPI 19	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi
SASARAN	3
INISIATIF	Menandatangani nota kolaborasi strategik bersama industri terpilih (September 2021).
	Lawatan pendarasan/kunjungan hormat ke industri terpilih mengikut kesesuaian program
	Perlantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (IAC)
	Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri (IAC) -September 2021

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA KPI)

### UNIT PEPERIKSAAN (PIC: PEGAWAI PEPERIKSAAN)

KPI 20	Bilangan penyertaan program <b>PSH</b> di institusi pada tahun semasa.
SASARAN	500
INISIATIF	Mengadakan beberapa siri latihan dalaman secara bersemuka atau atas talian sepertimana yang telah dirancang.
	Mengagihkan jumlah sasaran peserta <b>PSH</b> wajib untuk jabatan akademik dan <b>ULPL</b> bagi mencapai sasaran 500 peserta PSH.
	Mewujudkan <b>e-PSH</b> untuk pelaporan pelaksanaan program PSH di PMBS dan pemantauan berterusan.
	Mengeluarkan memo arahan pelaksanaan <b>e-Profiling</b> setelah mendapat arahan daripada BKPK, JPPKK.

### UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIAL (PIC: PEGAWAI UPIK)

KPI 21	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan.
SASARAN	5
INISIATIF	Mengadakan bengkel penulisan dan penerbitan untuk meningkatkan kemahiran penyelidikan di kalangan pensyarah.
	Mengadakan bengkel data analisis dalam penyelidikan untuk memberi pendedahan kepada pensyarah mengenai pelbagai kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data.
	Mengadakan program inovasi pelajar, <b>STUDENT PROJECT EXHIBITION (SPE<sub>x</sub>)</b>

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT PEPERIKSAAN (PIC: PEGAWAI PEPERIKSAAN)

KPI INSTITUSI	Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)
SASARAN	77%
TINDAKAN / INISIATIF	Bekerjasama dengan Penasihat Akademik untuk memantau pencapaian akademik pelajar setiap semester.
	Mengadakan ceramah motivasi kepada pelajar yang mendapat PNM dibawah 2.00.
	Berkerjasama dengan Unit Kaunseling untuk memberi nasihat kepada pelajar yang bermasalah.

### UNIT KEUSAHAWANAN (PIC: PEGAWAI KEUSAHAWANAN)

KPI INSTITUSI 1	Bilangan pelajar mendapat pendedahan keusahawanan (100%)
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 2	Bilangan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian
SASARAN	15%
KPI INSTITUSI 3	Tenaga pengajar dalaman mempunyai kepakaran keusahawanan (termasuk mentor/penasihat keusahawanan)
SASARAN	3%
KPI INSTITUSI 4	Bilangan usahawan dilahirkan
SASARAN	8%
TINDAKAN / INISIATIF	Mengadakan <b>Business Account Management Workshop</b> dan program <b>Product Promotion</b>
	Menyertai <b>The 5's International Entrepreneurial Google Marathon Program of UK</b> bersama Unit CISEC-PMBS (2 jam)
	Mengadakan <b>Business Model Canvas (BMC) &amp; Business Pitching</b>
	Lawatan Industri ke kilang usahawan bersama pelajar.
	Menganjurkan program SiswaFest2021

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT HAL EHWAL PELAJAR (PIC: PEGAWAI HEP)

KPI INSTITUSI 1	Bengkel Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar
SASARAN	2
KPI INSTITUSI 2	Program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi atau komuniti (CSR)
SASARAN	2
KPI INSTITUSI 3	Program Outreach
SASARAN	10
KPI INSTITUSI 4	Program Kesedaran dan Kerohanian Pelajar
SASARAN	2
TINDAKAN / INISIATIF	Program Sukarelawan: Gotong - royong bersama komuniti menerusi Program Sukarelawan <b>YES</b> .
	Program Sukarelawan: Program <b>Love Your Culture through Indigenous People (LYCIP)</b>
	Program <b>Outreach</b> : Live-Chat Jom Masuk Poli 2021
	Program <b>Outreach</b> : Jom Masuk Poli (SMK Datuk Patinggi Kedit, SMK St. Augustine, MRSM Betong, Kolej Vokasional Betong, SMK Spaoh, SMK Ulu Layar, SMK Saribas, SMK BM Saratok, SMK Agama Saratok dan SMK Kabong).
	Kem Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2021/2022.
	Bengkel Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar Sesi 1/Sesi 2 tahun 2021.
	Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2021 / 2022.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT KEWANGAN (PIC: PEGAWAI KEWANGAN)

KPI INSTITUSI 1	Penghantaran Laporan Bulanan Kewangan pada setiap hujung bulan sebelum 10 hari bulan pada bulan berikutnya.
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 2	Memasukan duit pungutan Hasil dan Amanah ke bank dalam tempoh 3hari pungutan dikunci masuk ke sistem igfmas.
SASARAN	100%
TINDAKAN / INISIATIF	Memproses penyata pemungut sebaik sahaja kutipan dibuat dan memasukan kutipan ke bank.
	Membuat senarai semak untuk memantau jenis laporan yang perlu dihantar pada setiap hujung bulan.
	Memastikan perbelanjaan dibuat mengikut perancangan ABM.

### UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN (PIC: PEGAWAI ULPL)

KPI INSTITUSI 1	Semua staf mencapai 5 hari latihan setahun.
SASARAN	5
KPI INSTITUSI 2	Pembelajaran secara atas talian melalui e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)
SASARAN	18 jam
KPI INSTITUSI 3	Menjawab penilaian e-Profiling
SASARAN	100%
TINDAKAN / INISIATIF	Mengeluarkan memo arahan pelaksanaan pembelajaran atas talian menerusi <b>EPSA</b> (sekurang-kurangnya 18 jam) untuk setiap pegawai bagi sukuan pertama tahun 2021.
	Mengeluarkan memo arahan pelaksanaan <b>e-Profiling</b> setelah mendapat arahan daripada BKPK, JPPKK.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL DAN MULTIMEDIA – UIDM (PIC: PEGAWAI UIDM)

KPI INSTITUSI 1	Bilangan penyediaan Video PdP
SASARAN	9
KPI INSTITUSI 2	Bilangan video pelaporan institusi
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 3	Video Korporat institusi
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 4	Youtube Channel institusi
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 5	Bilangan aktiviti sebar luar penggunaan video PdP dan eBook
SASARAN	3
TINDAKAN / INISIATIF	Setiap program termasuk Jabatan sokongan perlu mencalonkan 3 pensyarah yang akan menyediakan video PdP.
	Menyediakan kursus <b>video editing</b> bagi membantu para pensyarah mengukuhkan kemahiran dalam menghasilkan video PdP dengan lebih berkualiti.
	Mengadakan kerjasama erat bersama Unit <b>e-learning</b> dalam merealisasikan aktiviti tahunan.
	Menambah baik <b>YouTube Channel</b> institusi dengan mengemaskini video yang terkini mengikut senarai setiap jabatan.
	Menyediakan video pelaporan aktiviti instutsi sekurang-kurangnya 1 video.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

UNIT JAMINAN KUALITI (UJQ)(PIC: PEGAWAI KUALITI)	
KPI INSTITUSI 1	Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) institusi
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 2	Mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 3	Mengekalkan Pensijilan EKSA
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 4	Mengekalkan Pensijilan MQA
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 5	Pelaksanaan Pengurusan Risiko
SASARAN	1
TINDAKAN / INISIATIF	Mengadakan kursus pemantapan dokumentasi prosedur kerja Pemberian Perkhidmatan Pendidikan ( <b>PPP</b> ) dan Perkhidmatan Sokongan ( <b>PS</b> ).
	Melaksanakan audit dalaman bagi seluruh proses kerja kualiti.
	Mengadakan gotong royong dalam memastikan pembudayaan <b>EKSA</b> dikekalkan.
	Melaksanakan audit dalaman <b>EKSA</b> untuk memastikan budaya <b>EKSA</b> dikekalkan.
	Melaksanakan audit dalaman <b>MQA</b> untuk memastikan <b>PPP</b> mematuhi pekeliling <b>MQA</b> .
	Melaksanakan penilaian dan strategi kawalan risiko.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT ePEMBELAJARAN (eLEARNING) (PIC: PEGAWAI eLEARNING)

KPI INSTITUSI 1	Mencapai status 3 bintang untuk penarafan <i>Technology Enabled Collaborative Classroom (TeCC)</i>
SASARAN	3 BINTANG
KPI INSTITUSI 2	Peratus status <i>Blended Learning</i> di PMBS
SASARAN	70%
KPI INSTITUSI 3	Bilangan Mesyuarat JK <i>e-Learning</i> setahun
SASARAN	2
KPI INSTITUSI 4	Bilangan aktiviti keceriaan dan susunan inovatif ruang <i>TeCC</i> dalam setahun
SASARAN	1
KPI INSTITUSI 5	Bilangan penyertaan staf dalam <i>eDOLA</i>
SASARAN	3
TINDAKAN / INISIATIF	Pensyarah perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu platform kursus yang mencapai mod <i>Blended Learning</i>
	Menyediakan Kursus Pemantapan <i>LMS</i> kepada semua pensyarah.
	Menganjurkan Program <i>TeCC MakeOver</i> iaitu gotong royong untuk keceriaan <i>TeCC</i> .
	Mengadakan <i>Consolidation Of Facebook Utilization for Online Teaching &amp; Learning</i> untuk mendedahkan penggunaan <i>Facebook</i> dan <i>StreamYard</i> dalam <i>Live Teaching</i> .
	Mengadakan <i>Virtual Technology Enhancement Program</i> untuk memvariasikan kaedah PdPDT.
	Mengadakan <i>Animation Tools: Powtoon/Bitetable/ Sparkol in Teaching &amp; Learning</i> (tertakluk kepada bajet) dalam membangunkan kandungan video ringkas yang menarik utk PdP.
	Mengadakan Bengkel pembangunan <i>eBook</i> (tertakluk kepada peruntukan)
Menyertai Pertandingan <i>eDOLA</i> 2021	

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (UPLI) (PIC: PEGAWAI UPLI)

KPI INSTITUSI 1	Peratus pelajar mendapat tempat latihan industri.
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 2	Peratus pelajar lulus Latihan Industri.
SASARAN	90%
KPI INSTITUSI 3	Peratus lulus cemerlang Latihan Industri.
SASARAN	50%
KPI INSTITUSI 4	Peratus pemantauan pelajar yang mengikuti latihan industri.
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 5	Peratus pencapaian CLO
SASARAN	75%
KPI INSTITUSI 6	Peratus pencapaian PLO
SASARAN	75%
TINDAKAN / INISIATIF	Memberi Taklimat Latihan Industri 1 (Pengenalan Kursus LI & Tatacara memohon) dan Taklimat Latihan Industri 2 (Persediaan Menjalani LI) bagi setiap semester
	Mengadakan Bengkel <b>Microsoft Excel &amp; Microsoft Word</b> untuk pelajar semester 5 bagi meningkatkan kemahiran teknologi berkomputer semasa LI di industri.
	Mengadakan Kursus Pemantapan Penulisan Laporan & Latihan Industri & Laporan Harian agar pelajar dapat menulis jurnal harian dengan baik ( <b>appendix 2</b> ) dan laporan akhir latihan industri ( <b>appendix 4</b> ).
	Mengadakan lawatan penyeliaan lawatan industri ke atas semua industri yang menyediakan penempatan kepada pelajar PMBS yang menjalani LI secara fizikal ataupun dalam talian / telefon.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT ePEMBELAJARAN (eLEARNING) (PIC: PEGAWAI eLEARNING)

KPI INSTITUSI 1	Bilangan bahan yang dipinjam melalui pinjaman antara perpustakaan(PAP).
SASARAN	10
KPI INSTITUSI 2	Jumlah pengunjung perpustakaan
SASARAN	10,100
KPI INSTITUSI 3	Bilangan penggunaan <b>OPAC</b> .
SASARAN	1,000
KPI INSTITUSI 4	Kadar jumlah pinjaman seseorang pengguna.
SASARAN	15
TINDAKAN / INISIATIF	Mengadakan kelas literasi maklumat.
	Program 10 minit membaca.
	Pertandingan peminjam terbanyak.
	Program Jangkauan Literasi Maklumat.
	Pertandingan bercerita secara maya.
	Program <b>PANDEI</b> .

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT(UTM) (PIC: PEGAWAI UTM)


KPI INSTITUSI 1	Penyelenggaraan peralatan ICT sewaan kontrak berpusat KPT
SASARAN	1 kali setahun
KPI INSTITUSI 2	Penyelenggaraan peralatan ICT perolehan aset
SASARAN	1 kali setahun
KPI INSTITUSI 3	Penyelenggaraan Sistem Aplikasi EG Kerajaan dan Sistem Dalaman Politeknik
SASARAN	1 kali setahun
KPI INSTITUSI 4	Taklimat dan Latihan penggunaan ICT dan Teknologi Update
SASARAN	1 kali setahun
TINDAKAN / INISIATIF	Memantau dan melaksanakan penyelenggaraan semua peralatan ICT sewaan kegunaan PdP dan operasi institusi yang dijalankan oleh syarikat, mengikut piawaian yang ditetapkan.
	Melaksanakan penyelenggaraan, dan pengemaskinian sistem operasi dan perisian komputer bagi semua peralatan ICT Aset dan Sewaan.
	Melaksanakan penyelenggaraan dan pengemaskinian sistem aplikasi <b>SPMP</b> dengan menjalankan <b>backup database</b> dan aplikasi secara mingguan dan bulanan.
	Melaksanakan pengemaskinian sistem aplikasi EG Kerajaan dan sistem <b>email</b> kegunaan Jabatan sepanjang masa dan secara berkala.
	Melaksanakan penyelenggaraan dan pemantauan serta pengemaskinian polisi sistem rangkaian dan firewall serta server utama, bagi pengukuhan keselamatan ICT.
	Memberi taklimat dan latihan serta teknologi update kepada pegawai dalam penggunaan dan pembudayaan ICT.

## PELAN TINDAKAN PMBS 2021 (SASARAN INSTITUSI - DALAMAN)

### UNIT PENTADBIRAN (PIC: PEGAWAI PENTADBIRAN)

KPI INSTITUSI 1	Pengisian SKT & LNPT mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh JPPKK
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 2	Penggunaan HRMIS bagi pengisian Tuntutan, Cuti dan Elaun Lebih Masa
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 3	Kemaskini Buku Rekod Perkhidmatan secara berkala
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 4	Penyelenggaraan kenderaan dibuat secara berkala
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 5	Kemaskini data stor secara berkala
SASARAN	100%
KPI INSTITUSI 6	Proses sebutharga secara pembelian terus diselesaikan dalam tempoh 1 bulan
SASARAN	100%
TINDAKAN / INISIATIF	Menghebah maklumat yang dikeluarkan oleh JPPKK mengenai pengisian SKT & LNPT kepada semua staf PMBS dan sentiasa memantau status pengisian sehingga selesai sebelum tarikh akhir yang ditetapkan oleh JPPKK.
	Memastikan format tuntutan dan elaun lebih masa adalah daripada sistem <b>HRMIS</b> dan pengisian cuti rehat melalui sistem <b>HRMIS</b> .
	Sentiasa mengingatkan semua staf supaya menghantar salinan sijil bengkel/kursus dan lain-lain supaya unit pentadbiran dapat mengemaskini dengan segera.
	Sentiasa memantau keadaan kenderaan jabatan supaya selamat digunakan.
	Sentiasa menyemak baki stok supaya selaras dengan baki fizikal dan sentiasa memastikan permohonan dan pengeluaran stok adalah melalui sistem pengurusan stor.

## Pencapaian KPI PMBS



**Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS)** ingin mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan buat PIC yang terdiri daripada Ketua Unit bagi setiap unit di PMBS yang memberikan maklumat dalam penerbitan ***Buku Pelan Tindakan 2021*** dan juga ***Buku Pelan Strategik PMBS 2021 – 2025***.

Melalui Buku Pelan Tindakan PMBS 2021 ini, PMBS komited sebagai institusi yang menawarkan Pendidikan teknikal, vokasional dan kemahiran (TVET) yang berkualiti tinggi.

Kebolehpasaran graduan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 97% telah menunjukkan PMBS setaraf dan mampu bersaing secara positif dengan institusi Pendidikan lain dalam memastikan graduan diploma mendapat pekerjaan atau melanjutkan pengajian masing – masing ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelan Tindakan ini juga boleh dijadikan sebagai panduan harian dalam melaksanakan aktiviti serta program bagi mencapai petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan dengan kekuatan serta kepakaran staf dan kemudahan fasiliti yang baik yang tersedia dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk para pelajar yang belajar di Politeknik METrO Betong Sarawak.

# AHLI JAWATANKUASA BUKU PELAN TINDAKAN

## AJK INDUK

### **Penaung**

Encik Suhaili Bin Aleh

### **Penasihat**

Encik Yap Tek Chuan

### **Pengerusi**

Puan Siti Syuhaila Binti Zahari  
Puan Saptuyah Binti Marjiri  
Encik Mohamad Taher Bin Kasa

### **Penyelaras KPI Institusi**

Encik Anderian Baling Anak Piang

### **Setiausaha**

Puan Ruzaini Binti Abdul Razak

### **Ketua Editor**

Encik Anderian Baling Anak Piang

### **Editor**

Encik Gregory Evan Anak Nanson  
Puan Ruzaini Binti Abdul Razak  
Cik Emiliana Binti Barayan  
Puan Nur Faizah Binti Zam Zam

## Ketua Unit yang terlibat dalam penghasilan Buku Pelan Tindakan

<b>Unit</b>	<b>Nama Pegawai</b>
Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL)	Pn. Agnes Anak Buda
Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)	Pn. Hanini Bt. Marzuki
Unit Jaminan Kualiti (UJQ)	Pn. Lydia Desmond Bangga
Unit Pentadbiran	Puan Vanessa Tambong Anak Dominick
Unit Kewangan	Pn. Jerry Anak Gaong
Unit CISEC	En. Mohd. Shahrir Bin Ahmad Zaini
Unit eLearning	Pn. Hanini Bt. Marzuki
Unit Peperiksaan	Pn. Imelda Anak Richard Fuchau
Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM)	Pn. Norfaireza Bt. Akil
Unit Teknologi Maklumat (UTM)	En. Gregory Anak Nelson Awai
Unit Keusahawanan	Cik Norazimah Bt. Mejri
Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP)	Pn. Winne Anak Chengai
Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial (UPIK)	En. Rossi Gundie Anak Julius
Unit Perpustakaan	Pn. Evelyn Anak Frankling Tegik
Unit Komunikasi Korporat (UKK)	Cik Emilyn Anak Nojen

**Buku Pelan Tindakan PMBS 2021**

Diterbitkan pada 31 Januari 2021  
Politeknik METRo Betong Sarawak

**POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK**

1 – 12, FASA 2, BANDAR BARU  
JALAN BARU BETONG,  
95700, BETONG, SARAWAK.

083 – 472 676 (PEJABAT)  
083 – 472 991 (FAKS)

*~ Politeknik Mentransformasi Kehidupan ~*